

R B191 BAH

ABDULLAH - UMNO

TAIPING, 20 APRIL (BERNAMA) -- ANGGOTA UMNO DAN BARISAN NASIONAL MASIH MEMERLUKAN KEPIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, KATA NAIB PRESIDEN UMNO DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI HARI INI.

BELIAU BERKATA, ANGGOTA UMNO TIDAK MAHU BELIAU DIGANTIKAN DAN MAJLIS TERTINGGI UMNO JUGA TELAH MENYATAKAN SOKONGAN SEBULAT SUARA KEPADA KEPIMPINAN BELIAU.

BELIAU BERKATA SPEKULASI PERDANA MENTERI BERUNDUR SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM KELAK HANYALAH DICETUSKAN OLEH PIHAK YANG GEMAR MEMBUAT ANDAIAN BERDASARKAN SEJARAH PILIHAN RAYA UMUM NEGARA PADA MASA LEPAS.

MEREKA MERAMALKAN JIKA PILIHAN RAYA UMUM KALI INI DIADAKAN LEBIH AWAL DARIPADA TEMPOH SEPATUTNYA, KEPIMPINAN PARTI DAN NEGARA AKAN MENGALAMI PERUBAHAN TIDAK LAMA LAGI, KATANYA KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN BUKIT GANTANG DI CHANGKAT JERING HARI INI.

BELIAU YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA SPEKULASI ITU TIDAK DAPAT DITERIMA KERANA KEPIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR MASIH DIPERLUKAN DAN TIDAK ADA SEBAB BELIAU MENGUNDUR DIRI. -- LAGI.  
1442MST 20 04 86

R B192 BAH

ABDULLAH - UMNO 2 TAIPING

MENGENAI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, BELIAU BERKATA, BN DAN UMNO KHUSUSNYA TIDAK GENTAR MENGHADAPINYA KERANA REKOD PERKHIDMATAN CEMERLANG SERTA BERTANGGUNGJAWABNYA SELAMA INI JELAS TERBUKTI DAN DITERIMA OLEH RAKYAT.

+OLEH ITU BIARPUN SERATUS KALI LAGI PILIHAN RAYA UMUM DIADAKAN UMNO DAN BN AKAN TERUS MENANG,+ KATANYA DIIRINGI DENGAN TEPUKAN BERGEMURUH PARA PERWAKILAN.

SEJARAH NEGARA INI JUGA, KATA BELIAU, MEMBUKTIKAN PROSES DAN SISTEM PILIHAN RAYA NEGARA DIADAKAN SECARA PALING DEMOKRATIK, ADIL DAN TERHORMAT.

TIDAK ADA HELAH YANG DIGUNAKAN UNTUK MEMENANGI PILIHAN RAYA KERANA KERAJAAN YANG MEMERINTAH SEDAR BAHAWA PILIHAN RAYALAH YANG DAPAT MENGGAMBARAKAN SAMBUTAN RAKYAT TERHADAP DASAR DAN RANCANGAN YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN, KATA BELIAU.

PILIHAN RAYA JUGA MENUNJUKKAN PENERIMAAN SEBENAR SOKONGAN RAKYAT KEPADA KERAJAAN, DAN KERAJAAN AKAN MENGATASI KELEMAHAN YANG ADA UNTUK MEMPERBAIKI PRESTASINYA. -- LAGI.

1444MST 20 04 86

R B193 BAH

ABDULLAH - UMNO 3 TAIPING

BELIAU BERKATA, KERAJAAN TELAH MELAKSANAKAN SEMUA TANGGUNGJAWAB YANG DIAMANAHKAN SEPERTI MENJAMIN KEBEBASAN HAK INDIVIDU, RANCANGAN PEMBANGUNAN DAN MEMBASMI KEMISKINAN WALAUPUN KEGIATAN SETERUSNYA PERLU DIJALANKAN LAGI.

DALAM HAL INI, BN SAHAJA YANG MAMPU MEMPERJUANGKAN HAK SEMUA RAKYAT PELBAGAI KAUM KERANA PARTI-PARTI POLITIK LAIN LEBIH BERPIHAK KEPADA SESUATU GOLONGAN SAHAJA.

BELIAU JUGA MENGARAHKAN SEMUA JENTERA UMNO PADA PERINGKAT BAHAGIAN DIGEMBLENGKAN KE ARAH KEMENANGAN SEMUA CALON BN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PUCUK PIMPINAN PARTI.

SETELAH KEPUTUSAN PEMILIHAN CALON DIBUAT, BELIAU TIDAK MAHU ADA PIHAK MEMPERTIKAIKAN KEPUTUSAN ITU SEHINGGA MENIMBULKAN ISU DAN MENJEJASKAN KEMENANGAN CALON BN.

MENGENAI ANGGOTA POLITIK YANG +MERAJUK+ AKIBAT PEMILIHAN CALON ITU, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA TIDAK ADA TEMPAT DALAM PARTI BAGI MEREKA YANG BERSIKAP DEMIKIAN.

SEMENTARA ITU, KETUA UMNO BAHAGIAN HAJI HASHIM GHAZALI MENYATAKAN SOKONGAN KUAT PARA ANGGOTA UMNO DI SINI KEPADA KEPIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR DAN MENTERI BESAR DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB.

-- BERNAMA

1446MST 20 04 86